SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA
( Agensi di bawah KPDNHEP )

# SOALAN LAZIM

# PERMOHONAN PERAKUAN AMALAN SETIAUSAHA DI BAWAH SEKSYEN 241 AKTA SYARIKAT 2016

| BIL. | SOALAN | JAWAPAN |
|---|---|---|
| 1 | Apakah yang boleh dilakukan melalui sistem e-Secretary semasa Arahan Kawalan Pergerakan (PKP)? | Hanya permohonan baharu perakuan amalan untuk bertindak sebagai setiausaha sahaja yang boleh dilakukan melalui sistem e-Secretary. |
| 2 | Bilakah saya boleh memohon pembaharuan perakuan amalan setiausaha melalui sistem e-Setiausaha? | Pengumuman akan dibuat oleh SSM sebaik sahaja sistem ini sedia untuk digunapakai bagi memproses permohonan pembaharuan perakuan amalan setiausaha. |
| 3 | Apakah syarat-syarat yang dikenakan berhubung lanjutan masa yang diberikan kepada setiausaha untuk memperbaharui perakuan amalan mereka? | Lanjutan masa untuk memperbaharui perakuan amalan diberikan berdasarkan kepada syarat-syarat berikut:<br><br>(a) Setiausaha syarikat masih perlu mematuhi keperluan CPE sepertimana yang ditetapkan di para 34 dan 35 dalam Garis Panduan Berhubung Perakuan Amalan Setiausaha Di Bawah Seksyen 241 AS2016;<br><br>Walau bagaimanapun, setiausaha syarikat diberi lanjutan masa sehingga pembaharuan perakuan amalan berikutnya untuk mengumpul baki mata CPE yang gagal dikumpul semasa pembaharuan kali pertama;<br><br>**Panduan / Contoh:** |

<table>
<tr><th>BIL.</th><th>SOALAN</th><th>JAWAPAN</th></tr>
<tr><td></td><td></td><td>
<table>
<tr><td>Tarikh mula dan tamat PC</td><td>15 Mac 2019 – 14 Mac 2020</td></tr>
<tr><td>Mata CPE yang perlu dipatuhi untuk permohonan pembaharuan PC kali pertama</td><td>20 mata CPE<br>(berdasarkan Garis Panduan Berhubung Perakuan Amalan Di Bawah Seksyen 241)</td></tr>
<tr><td>Setiausaha hanya mempunyai 8 mata CPE semasa permohonan pembaharuan PC kali pertama</td><td>Kurang 12 mata CPE<br>: 20 CPE – 8 CPE = (12 mata CPE)</td></tr>
<tr><td>Tempoh PC selepas pembaharuan dan jumlah CPE yang perlu dipatuhi</td><td>3 tahun (bermula pada 15 Mac 2020 hingga 14 Mac 2023)<br><br>Oleh itu setiausaha perlu mengumpul 72 mata CPE dalam tempoh tiga tahun di atas.<br><br>= 60 mata CPE + baki 12 mata CPE<br>= 72 mata CPE</td></tr>
</table>
<br>(b) Lanjutan masa ini hanya terpakai kepada perakuan amalan setiausaha yang tamat tempoh bermula pada 14 Mac 2020 sehingga 31 Disember 2020 sahaja;
<br><br>(c) Lanjutan masa untuk mengumpul 20 mata CPE ini hanya diberikan bagi pembaharuan perakuan amalan kali pertama sahaja; dan
<br><br>(d) Kegagalan untuk mengumpul baki mata CPE akan menyebabkan permohonan pembaharuan perakuan amalan kali kedua akan ditolak.
</td></tr>
</table>

| BIL. | SOALAN | JAWAPAN |
|---|---|---|
| 4. | Bolehkah saya menjalankan praktis sebagai setiausaha syarikat setelah perakuan amalan saya telah tamat tempoh? | Anda masih berkelayakan untuk bertindak sebagai setiausaha syarikat berdasarkan lanjutan masa secara automatik yang diberikan oleh SSM.<br><br>Selaras dengan kelulusan lanjutan masa ini, maka tempoh sah perakuan amalan selepas pembaharuan akan bersambungan dengan perakuan amalan yang pertama sekiranya permohonan pembaharuan yang dibuat melalui sistem e-Secretary diluluskan. |